

24 MAR 1997

Kriket-Israel

ISRAEL HARGAI LAYANAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 24 Mac (Bernama) -- Israel yang dijemput Malaysia menyertai Kejohanan Trofi Persatuan Kriket Antarabangsa (ICC) walaupun tanpa hubungan diplomatik, menghargai layanan yang diberikan kepada pasukannya yang berada di sini sejak Jumaat.

Pengurus pasukan kriket negara itu Stanley Perlman berkata mereka berterima kasih dengan layanan mesra yang diberikan.

Israel merupakan antara 22 negara yang dijemput menyertai kejohanan 21 hari itu.

Israel tidak pernah dijemput menyertai sebarang kejohanan sukan di Malaysia sebelum ini. Di peringkat Asia, kali terakhir Israel mengambil bahagian ialah pada Sukan Asia di Teheran 1974.

Semasa ditanya Bernama, perasaan beliau dan para pemain berada di negara ini, Perlman berkata mereka amat gembira kerana berpeluang berada di Malaysia dan diberi sambutan mesra oleh masyarakat dan penganjur di sini.

Perlman menyifatkan Malaysia sebagai negara yang baik dan para pemain tidak mempunyai masalah untuk berkomunikasi dengan penduduk tempatan serta negara-negara peserta yang lain.

Beliau juga berkata kejohanan di sini akan memberikan pendedahan yang baik kepada para pemain negara itu dan mereka mahu menunjukkan semangat kesukanan Israel sebagai anggota ICC.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata keputusan kerajaan membenarkan pasukan kriket Israel menyertai kejohanan antarabangsa di sini ialah untuk menyedarkan mereka bahawa masyarakat berbilang kaum dan agama dapat hidup bersama-sama dengan aman dalam sebuah negara seperti Malaysia.

Negara-negara yang menyertai kejohanan kriket di sini ialah Afrika Timur/Tengah dan Afrika Barat, Argentina, Bangladesh, Bermuda, Kanada, Denmark, Fiji, Gibraltar, Belanda, Hong Kong, Ireland, Israel, Itali, Kenya, Namibia, Papua New Guinea, Singapura, Scotland, Emir Arab Bersatu, Amerika Syarikat dan Malaysia. -- BERNAMA

ERE RON